

03 JUN, 2026

AI BUKAN GANTI PEKERJA



Harian Metro, Malaysia



TNB berhasrat untuk memastikan apabila grid nasional menjadi semakin pintar, tenaga kerja akan lebih berwibawa.

TRANSFORMASI DIGITAL TNB KE ARAH PELEPASAN KARBON SIFAR BERSIH 2050

AI BUKAN GANTI PEKERJA

Bernama
Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Bhd (TNB) melihat peningkatan penggunaan kecerdasan buatan (AI) sebagai tidak menggantikan pekerja, sebaliknya menjadi instrumen berkesan untuk meningkatkan keupayaan manusia dalam membuat keputusan ketika TNB meneruskan perjalanan transformasi digital ke arah pelepasan karbon sifar bersih 2050. Mewakili TNB pada Forum Kepimpinan CIO Gart-

ner APAC 2026 di Sydney, baru-baru ini, Ketua Pegawai Digital dan Maklumat TNB Azlan Ahmad berkata, transformasi yang bermakna pada skala nasional memerlukan usaha untuk memapatkan jurang antara dua budaya organisasi yang lama wujud. Budaya itu adalah pola pemikiran kejuruteraan yang menumpukan kepada pembinaan sistem dan pola pemikiran teknologi maklumat yang memfokuskan kepada penyelesaian masalah. Dengan menggalakkan kerjasama antara ke-

dua-dua bidang itu, syarikat utiliti berkenaan berhasrat untuk memastikan apabila grid nasional menjadi semakin pintar, tenaga kerja itu sendiri akan lebih berwibawa. "Kejayaan dalam transformasi berkenaan bukan sahaja diukur melalui penggunaan teknologi, malah melalui kesediaan psikologi organisasi," katanya pada forum berkenaan. Beliau berkata, usaha itu

“**Pendekatan berpaksikan manusia perlukan pembinaan kepercayaan**”
 Azlan

diperkuh melalui Program Memanfaatkan Potensi Nilai TNB, iaitu rangka kerja seluruh organisasi yang direka untuk memastikan setiap inisiatif memberikan hasil yang boleh dinilai dari segi keuntungan, kecekapan operasi dan pematihan kawal selia. Bagi menangani cabaran dalam peralihan itu, Azlan menekankan mengenai kepentingan membabitkan pekerja ber-

dasarkan tahap kesediaan mereka yang berbeza untuk menerima perubahan. Beliau pada masa sama turut mengetengahkan perspektif yang berlainan antara pengguna yang cepat menerima teknologi baharu dengan jurutera konservatif yang mengutamakan kestabilan sistem kawalan kritikal. Menurutnya, pendekatan berpaksikan manusia memerlukan pembinaan kepercayaan dan mengkalakan pembabitkan yang mendalam dengan pekerja lama sebelum melaksanakan sebarang inisiatif digital.

"Dengan menyelesaikan kebimbangan mengenai keselamatan pekerjaan dan meningkatkan peranan tenaga kerja daripada tugas manual kepada peranan penasihat yang lebih bernilai tinggi, teknologi berfungsi sebagai sistem saraf yang membantu manusia menghadapi peralihan tenaga yang kompleks," katanya. TNB berpendapat perjalanan ke arah pelepasan karbon sifar bersih 2050 dipandu oleh kecerdasan dan empati, selain didorong oleh manfaat besar yang boleh dibawakan AI kepada negara.